

GARIS PANDUAN BANTUAN BERKAITAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM DAN LUAR NEGARA.

1. PENDAHULUAN

1.1 Mulai tahun kewangan 2014 hanya terdapat tiga (3) jenis bantuan yang berkaitan dengan pendidikan tinggi yang dikeluarkan oleh MAIDAM iaitu;

- a. Dermasiswa Dalam dan Luar Negara
- b. Bantuan Pendidikan Dalam dan Luar Negara
- c. Bantuan Tambang

2. LATAR BELAKANG

2.1 Bantuan ini disediakan berdasarkan Penyata Dasar (Policy Statement) Agihan Zakat yang mengandungi hala tuju MAIDAM untuk meningkatkan martabat dan maruah ummah yang seimbang di Negeri Terengganu dari segi keagamaan, sosial dan ekonomi khususnya kepada mereka yang fakir, miskin dan muallaf selain asnaf-asnaf yang lain, seperti mana yang diperintah oleh Allah S.W.T.

3. SYARAT UMUM

3.1 Syarat umum Dermasiswa, Bantuan Pendidikan dan Bantuan Tambang adalah sebagaimana berikut:

- a. Rakyat Negeri Terengganu dan bermastautin di Negeri Terengganu
- b. Pemastautin Negeri Terengganu tidak kurang 3 tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pengajian.
- c. Beragama Islam, baligh dan berakal.
- d. Tidak mendapat pinjaman atau pembiayaan dari mana-mana agensi.
- e. **Keutamaan** adalah dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab.
- f. Institusi atau pusat pengajian yang diiktiraf oleh kerajaan dan tidak menyediakan elaun seperti Giatmara, IKBN dan sebagainya.
- g. Pengajian sepenuh masa dan terhad kepada tempoh pengajian sebenar sahaja.
- h. Tiada bantuan tambahan sekiranya gagal atau mengulang.

4. KADAR DERMASISWA/ BANTUAN PENDIDIKAN.

Akan ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa dengan mengambilkira bidang dan tempat pengajian.

5. JENIS PEMBIAYAAN

5.1 Dermasiswa Dalam Negara.

- a. **Pelajar Persendirian** – diberikan kepada pelajar yang terdiri daripada anak-anak asnaf fakir/miskin/muallaf yang sedang belajar di dalam negara.
- b. Syarat khusus adalah sebagaimana berikut:
 - i. Tahap pengajian sekurang-kurangnya peringkat sijil.
 - ii. Kadar dan tempoh pengajian adalah sebagaimana berikut:

Bil	Negara	Tahap	RM	Tempoh (Tahun)
1	Malaysia	Sijil	2,000.00	3
		Diploma	2,500.00	2
		Ijazah Pertama	3,000.00	4

5.2 Dermasiswa Luar Negara

- a. **Pelajar Tajaan MAIDAM** - diberikan kepada para pelajar yang dipilih secara khusus melalui 3 program iaitu Program Memartabatkan Institusi Ulama', Program Pakar Perbidanan Sakit Puan dan Program Mahasiswa Al-Ansar yang dimulakan pada tahun 2010.
- b. **Pelajar Persendirian** – diberikan kepada pelajar yang terdiri daripada anak-anak asnaf fakir/miskin/muallaf yang sedang dan akan belajar di luar negara.
- c. Syarat khusus adalah sebagaimana berikut:
 - i. Tahap pengajian di peringkat ijazah pertama sahaja.
 - ii. Kadar dan tempoh pengajian luar negara adalah sebagaimana jadual berikut:

Bil	Negara	Bidang Pengajian	Kadar (RM)	Tempoh (tahun)
1	Jordan	Pen. Islam / B. Arab	9,000.00	4
2	Indonesia	Pen. Islam / Perubatan	4,000.00	4
3	Morocco	Pen. Islam / B. Arab	7,000.00	4
4	Syria	Pen. Islam / B. Arab	5,000.00	4
5	Yaman	Pen. Islam / B. Arab	5,000.00	4
6	Mesir	Perubatan	9,000.00	6
		Pen. Islam / B. Arab	5,000.00	4
7	Eropah	Lain-lain	7,000.00	4
8	Australia	Lain-lain	7,000.00	4
9	Sudan	Pen. Islam / B. Arab	5,000.00	4
10	Pakistan	Pen. Islam / B. Arab	5,000.00	4
11	India	Pen. Islam / B. Arab	5,000.00	4
12	Afrika	Pen. Islam / B. Arab	5,000.00	4

5.3 Bantuan Pendidikan Dalam Negara

a. **Pelajar Persendirian dan Tajaan** - akan dilaksanakan bermula tahun 2014 dan akan diberikan kepada pelajar yang menuntut di institusi pendidikan tinggi di dalam negara dan dibayar di bawah sinf **Fisabilillah**

b. Syarat khusus adalah sebagaimana berikut;

- i. Pelajar yang menuntut di dalam negara.
- ii. Tidak mendapat sebarang pinjaman atau pembiayaan atau mendapat yuran pengajian sahaja.
- iii. Pengajian diperingkat ijazah pertama sahaja.
- iv. Terbuka kepada semua bidang pengajian
- v. Pendapatan kasar ibu dan bapa **tidak melebihi** RM 10,000.00 sebulan.
- vi. Kadar bantuan tidak melebihi RM 3,000.00 setahun.

5.4 Bantuan Pendidikan Luar Negara

a. **Pelajar Persendirian** - bantuan kepada pelajar yang menuntut di institusi pendidikan tinggi di luar negara dan ibubapa mereka termasuk dalam kategori berpendapatan **sedehana** dan dibayar di bawah sinf **Fisabilillah**.

b. Syarat khusus adalah sebagaimana berikut;

- i. Tidak mendapat sebarang pinjaman atau pembiayaan.
- ii. Pengajian di peringkat ijazah pertama sahaja
- iii. Keutamaan kepada bidang pengajian Islam dan Bahasa Arab,
- iv. Pendapatan kasar ibu dan bapa **tidak melebihi** RM 10,000.00 sebulan.
- v. Terhadap kepada 300 orang sahaja dalam satu masa
- vi. Hendaklah mendaftar dengan MAIDAM terlebih dahulu sebelum melanjutkan pelajaran ke luar negara.
- vii. Kadar bantuan **tidak melebihi** **RM 2,000.00 (Indonesia), RM 5,000.00 (Jordan) dan RM 3,000.00 (Lain-lain)**.

c. Wajaran dan formula,

i. Bagi tujuan pelaksanaan, wajaran dan formula berikut adalah digunapakai.

Pendapatan Kasar		Tanggungan	
Pendapatan Kasar Ibu + bapa	Wajaran (A)	Tanggungan	Wajaran (B)
9,001 - 10,000	1	9 orang ke atas	5
8,001 - 9,000	2	7 - 8 orang	4
7,001 - 8,000	3	5 - 6 orang	3
6,001 - 7,000	4	3 - 4 orang	2
6,000 ke bawah	5	2 orang	1

ii. Formula : Jumlah (A) + (B) x Kadar Bantuan / 10

5.5 Bantuan Tambang Penerbangan

c. **Bantuan Tambang** – bantuan kepada pelajar persendirian dan pelajar tajaan MAIDAM di luar negara yang telah tamat pengajian dan ingin pulang tetapi tidak mempunyai wang yang mencukupi.

- d. Syarat khusus adalah sebagaimana berikut;
- i. Tergolong dalam sinf Ibnussabil
 - ii. Sekali sahaja setelah tamat pengajian.
 - iii. Tahap pengajian ialah Diploma dan Ijazah Pertama (BA) sahaja atau yang setaraf dengannya.
 - iv. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat pengajian.
 - v. Pertimbangan akan dibuat terhadap pelajar yang terkandas dalam perjalanan boleh samada disebabkan bencana, peperangan atau sebab-sebab lain yang diiktiraf oleh syarak.
 - vi. Kadar bantuan RM 400.00 (Indonesia) dan RM 1,500.00 (lain-lain negara).
 - vii. Bayaran berdasarkan tuntutan mengikut kadar yang ditetapkan.
 - viii. Perlu mengemukakan salinan ijazah asal / sementara (Syahadah muaqqatah), salinan surat pengesahan tamat belajar dan tiket asal penerbangan.
 - ix. Salinan Slip Gaji atau Akaun Pendapatan Ibu dan Bapa / Penjaga / Sendiri dan Pasangan.

- vii. Salinan Kad Pengenalan Pemohon, ibu dan bapa serta anak-anak dalam tanggungan / penjaga dan pasangan.
- viii. Salinan Slip Gaji atau Akaun Pendapatan Ibu dan Bapa / Penjaga / Sendiri dan Pasangan.
- ix. Keputusan Peperiksaan Semester dan Tahunan.
- x. Lain-lain dokumen yang berkaitan.

6.2. Permohonan selepas tahun 2014.

- a. Pelajar yang berada di luar negara yang telah diluluskan pembiayaan pada tahun-tahun selepasnya tidak perlu memohon semula tetapi perlu mengemukakan perkara berikut sebelum pembiayaan dibuat.:
 - i. Surat Pengesahan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Dalam Negara) atau Jabatan Penuntut Malaysia / Kedutaan (Luar Negara) tentang status pengajian, pinjaman atau pembiayaan pelajar.
 - ii. Keputusan Peperiksaan Semester dan Tahunan.

6.3. Pendaftaran Pelajar Persendirian Ke Luar Negara.

- a. Pelajar baru yang ingin ke luar negara hendaklah mendaftar dengan MAIDAM terlebih dahulu sebelum melanjutkan pelajaran sekiranya berhasrat ingin memohon bantuan daripada MAIDAM kerana bantuan yang disediakan adalah terhad kepada 300 orang sahaja dalam satu masa. Mana-mana pelajar yang tidak berbuat demikian tidak akan dipertimbangkan apa-apa pembiayaan.

6. KAEDAH PERMOHONAN

6.1. Permohonan Baru Dermasiswa / Pendidikan

- a. Pelajar yang berada di dalam dan luar negara yang memohon kali pertama perlu mengisi permohonan secara online dan menghantar dokumen-dokumen yang disahkan seperti berikut:
 - i. Surat Tawaran Belajar.
 - ii. Surat Pengesahan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Dalam Negara) atau Jabatan Penuntut Malaysia / Kedutaan (Luar Negara) tentang status pengajian, pembiayaan atau pinjaman pelajar.
 - iii. Surat pengesahan bermastautin di Terengganu oleh Amil Zakat / Pengerusi JKJK.
 - iv. Surat penolakan dari agensi pinjaman atau pembiayaan .
 - v. Salinan Sijil Akademik (SPM dan lain-lain).
 - vi. Salinan akaun bank atau muka depan buku bank (selain Tabung Haji dan ASB). Keutamaan diberi kepada akaun (BIMB, HSBC, CIMB, MAYBANK & BSN)

6.4. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

Jabatan Baitulmal
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
Pusat Pentadbiran Islam Negeri,
Komplek Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad
20676 Kuala Terengganu.
Terengganu.
Tel: 09-6303030
Fax: 09-6247917
E-mail : info@maidam.gov.my